

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk bantuan yang telah disalurkan kepada syarikat-syarikat penerbangan negara yang menghadapi cabaran yang besar akibat wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penularan wabak Covid-19 yang telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organisation* - WHO) pada 11 Mac 2020 bukan sahaja telah menyebabkan krisis kesihatan dan sosial malah krisis ekonomi di kebanyakan negara di dunia. Sebagai sebuah negara perdagangan kecil yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka, Malaysia turut menerima kesan buruk akibat pandemik ini. Kesan ekonomi yang dialami ini bersifat menyeluruh dan dirasai oleh semua sektor dalam negara termasuklah sektor penerbangan yang disebabkan oleh penutupan sempadan dan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan bagi menangani penularan wabak COVID-19 tersebut.

Untuk makluman Ahli Dewan, Kerajaan komited membantu semua pihak yang terjejas dengan penularan wabak COVID-19 ini. Walau

bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan tidak terlibat dalam pelan menyelamatkan mana-mana syarikat termasuk syarikat penerbangan komersial memandangkan Kerajaan perlu memastikan apa-apa bantuan yang diberikan terutamanya daripada segi kewangan mempunyai kerangka kerja dan objektif yang jelas untuk mengelakkan daripada berlakunya diskriminasi kepada syarikat lain yang turut terjejas dengan wabak ini. Selain itu, bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat akan dianggap sebagai *bail-out* dan secara tidak langsung akan menjejaskan lagi prestasi syarikat-syarikat pesaing lain yang tidak menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan. Tambahan pula, Kerajaan tidak mempunyai sebarang pegangan saham dalam mana-mana syarikat penerbangan tersebut. Justeru itu, sebarang cadangan pemulihan kewangan syarikat adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah dan pemegang saham syarikat masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengambil kira kesan krisis ekonomi semasa yang menyeluruh, Kerajaan berpandangan pemberian bantuan wajar dilaksanakan secara meluas dan tidak terhad kepada syarikat penerbangan sahaja. Bantuan ini telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui beberapa pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi seperti PRIHATIN, PRIHATIN PKS+, PENJANA dan KITA PRIHATIN yang keseluruhannya bernilai RM305 bilion bagi membantu pekerja dan rakyat yang terjejas pendapatan serta perniagaan yang mengalami masalah aliran tunai termasuk syarikat penerbangan tempatan. Antara langkah yang telah dilaksanakan seperti yang diumumkan sebelum ini antaranya termasuklah moratorium bayaran balik pinjaman perniagaan dan pinjaman isi rumah, Bantuan Prihatin Nasional, program subsidi upah, skim pengeluaran i-Lestari, skim jaminan pembiayaan perniagaan, skim kredit mikro, dana pembiayaan PKS dan banyak lagi.

Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) bagi meningkatkan mudah tunai untuk menyokong aktiviti pengantaraan

NO SOALAN : 28

kewangan. BNM turut menyatakan ketersediaan bantuan bayaran balik pinjaman bersasar kepada peminjam yang terjejas berikutan COVID-19. Kemudahan ini boleh dipohon terus kepada institusi kewangan komersial berkaitan merangkumi pelanjutan moratorium dan pengurangan bayaran ansuran.

Kerajaan juga melalui Skim Jaminan Prihatin Danajamin (SJPD) menyediakan program pembiayaan bernilai RM50 bilion dengan jaminan sebanyak 80% ke atas pembiayaan modal kerja syarikat. Kemudahan jaminan ini disediakan untuk manfaat kepada semua syarikat yang beroperasi di Malaysia dalam semua sektor termasuk sektor penerbangan tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

Kerajaan juga melalui Belanjawan 2021 akan menyediakan program latihan dan penempatan semula bagi 8,000 kakitangan dari syarikat penerbangan di Malaysia dengan peruntukan sebanyak 50 juta ringgit. Inisiatif khusus ini adalah sebagai tambahan kepada bantuan yang telah dilaksanakan sebelum ini, serta inisiatif-inisiatif lain yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 bagi membantu pekerja dan rakyat yang terjejas pendapatan termasuklah kakitangan syarikat penerbangan.

Sekian, terima kasih.